

Marina sembahyang hajat minta ayah bersara

UM 31/10/2003 - 6 PRECISE

MARINA MAHATHIR

Oleh NOR AZIAH JAAFAR dan FAUZIAH AROF

SEBAIK saja menerima berita bahawa ayahnya, Dr. Mahathir Mohamad dilantik sebagai Perdana Menteri keempat Malaysia pada 1981, Marina berasakan satu beban yang amat berat menimpa ke atas bahunya.

Tidak pernah terfikir di benak beliau bahawa ayahnya akan menjadi pemimpin negara.

Dalam keadaan keliru dan perasaan yang berbelah bahagi, persoalan pertama yang terbit di fikirannya ialah bagaimana untuk berkongsi ayahnya dengan 14 juta penduduk Malaysia pada masa itu.

Masih terbayang, di zaman kanak-kanak bagaimana ayahnya membawa beliau sekeluarga bersiar-siar menaiki kereta pada waktu petang selepas habis bertugas di klinik.

Masih juga teringat, betapa letihnya Marina bersama keluarga menaiki kereta dari Kedah ke Kuala Lumpur yang dipandu sendiri oleh bapanya ketika cuti sekolah semasa belum bergelar menteri.

Semua itu akan bertukar kerana selepas ini kehidupan mereka sekeluarga akan menjadi hak umum.

Bagaimanapun, cabaran paling besar yang perlu dihadapi oleh Marina sebaik ayahnya bergelar pemimpin negara ialah beliau kini tidak lagi bebas memilih kawan.

Sebaliknya, beliau adik-beradik perlu sentiasa berjaga-jaga dan berwaspada agar tiada pihak yang berpeluang mengambil kesempatan di atas kedudukan bapanya.

"Daddy pernah berpesan kepada kami adik-beradik agar jangan sekali-kali menggunakan nama dan status beliau untuk mendapatkan sesuatu.

"Malah, beliau mengingatkan kami bahawa tiada benda yang boleh didapati di dalam dunia ini secara percuma," katanya.

Menurut Marina, itu cerita 22 tahun lalu. Selepas episod pengumuman persaraan bapanya yang penuh dengan air mata pada Perhimpunan Agung UMNO 2002, beliau kini membilang hari menunggu ketibaan detik tersebut.

Perasaan lega berbunga di hati Marina dengan keputusan bapanya itu kerana sebagai anak beliau faham bapanya memerlukan masa untuk dirinya sendiri.

"Kalau bukan sekarang, bila lagi, tak mungkin bapa hendak meneruskan tugas yang penuh dengan tekanan itu selama-lamanya," tegas Marina yang merupakan anak sulung daripada tujuh beradik termasuk dua anak angkat.

Marina menyedari keputusan persaraan Dr. Mahathir turut akan memberi kesan kepada kehidupan peribadinya.

Perkara yang paling tidak sabar ditunggu ialah untuk melihat reaksi dan layanan yang diberikan oleh masyarakat terutama rakan-rakannya selepas beliau tidak lagi bergelar anak seorang Perdana Menteri.

Pengalaman selama 22 tahun sebagai anak Perdana Menteri membuatkan Marina was-was dengan keikhlasan seseorang yang ingin rapat dengannya.

"Kadang-kadang orang layan saya disebabkan nama bapa. Mereka ingat saya tidak tahu...tetapi saya boleh rasa sama ada orang melayan saya dengan ikhlas atau tidak," katanya.

Keikhlasan

Keadaan yang paling mengecewakan apabila rakan yang beliau fikir ikhlas berkawan dengannya menghulurkan kertas cadangan sesuatu projek untuk dikemukakan kepada bapanya.

Bagi mengatasi situasi yang amat tidak menyenangkan itu, Marina terpaksa mengawal cara pergaulannya.

Beliau terpaksa melayan semua kawan-kawannya secara sederhana dan sama agar tidak ada yang mengambil kesempatan.

Mengenang kembali detik pengumuman persaraan bapanya, Marina yang ketika itu menghadiri mesyuarat di Bangkok, Thailand bergegas pulang sebaik mengetahui perkara itu melalui telefon daripada rakannya.

"Mendengar saja berita itu, lutut saya menggeletar. Perkara pertama yang saya fikirkan pada masa itu adakah bapa sakit kerana semasa bercuti di Itali sebelum itu beliau tidak pernah membayangkan hasratnya untuk bersara," jelasnya.

Marina memberitahu, apabila sampai di rumah bapanya telah tidur dan emaknya menerangkan apa yang telah berlaku kepada anak-anaknya.

Bagaimanapun, beliau merasa gembira kerana akhirnya Dr. Mahathir mendengar rungutan anak-anaknya yang kasihankan ibu mereka yang setia menemani Dr. Mahathir ke mana-mana sahaja.

"Kami pernah pesan pada bapa, ingat-ingat sikit pada mummy tu sebab dia ikut sahaja...dia (Siti Hasmah) tidak pernah beritahu apa yang dia rasa sama ada penat atau takut.

"Bapa pula, buat sahaja apa yang hendak dibuat...dia tidak fikir orang yang ikut," katanya.

Contohnya, ketika lawatan Perdana Menteri ke Bosnia semasa konflik sedang memuncak di sana.

Kata Marina, bapanya tidak menyedari bahawa ibu mereka takut dan hanya menyedarinya apabila pulang ke tanah air.

"Dia (Dr. Mahathir) beritahu kami, sebenarnya mummy berasa sangat takut ketika berada di sana," katanya.

Marina menambah, semasa pergi ke Antartika pun, beliau tahu ibunya tidak begitu suka dan takut menaiki bot tetapi menurut juga kerana ingin menemani suaminya.

Marina berkata sikap Dr. Mahathir itu adalah kerana bapanya seolah-olah mempunyai prinsip bahawa *life is too short*.

Sebab itulah, dalam usia yang telah meningkat, beliau ingin mencuba apa sahaja.

Ia dibuktikan apabila pada usia 60 tahun Dr. Mahathir belajar menunggang kuda dan membawa pesawat ringan.

Bagaimanapun, Marina memberitahu, bapanya terpaksa membatalkan niatnya untuk mendapatkan lesen membawa pesawat ringan atas nasihat ibunya yang risau dengan keselamatan suaminya itu.

Ditanya apakah yang akan dilakukan oleh Dr. Mahathir apabila bersara, Marina menjawab: menghabiskan masa dengan keluarga, menulis buku, bercuti dan tidur secukupnya.

"Dalam usia beliau, memang ini adalah masa yang amat sesuai untuk bersara, jika tidak bila lagi?"

"Kerja beliau bukan kerja pejabat seperti menaip, angkat telefon...tugas beliau sebagai



pemimpin negara amat berat dan lebih berat lagi dalam usia yang telah lanjut," katanya.

Bagaimanapun, Marina berkata, masih ramai yang datang kepada beliau dan memintanya memujuk Dr. Mahathir supaya jangan bersara.

"Pernah ketika di sebuah pusat membeli-belah saya didatangi oleh seorang mak cik yang berkata, beliau telah banyak kali sembahyang hajat supaya Dr. Mahathir tidak bersara.

"Tetapi dalam hati saya berkata, saya dekat rumahpun sembahyang hajat minta bapa bersara...saya pun fikir, Tuhan hendak dengar doa yang mana satu ni," katanya.

Yang melucukan, kata Marina, ada juga yang membuat analisis mereka sendiri dan membuat kesimpulan bahawa Dr. Mahathir tidak akan bersara.

"Saya katakan, bapa sudah berusia...dan Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) juga bagus," katanya.

Justeru, Hari Raya Aidilfitri tahun ini paling ditunggu-tunggu oleh Marina kerana akhirnya mereka sekeluarga berpeluang untuk menyambutnya bersama-sama selepas 22 tahun berkongsi sambutan itu bersama rakyat di Seri Perdana.



TENAGA NASIONAL

PESANAN DR. M
DEMOKRASI memberi kebebasan kepada kita, tetapi kebebasan itu tidaklah sehingga kita dan demokrasi juga akan musnah.

● Perasmian perayaan 25 Tahun Parlimen Malaysia di Kuala Lumpur 30 Mac 1985.